

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH)

A. MyBSH

1. S: Apakah fungsi MyBSH?

J: MyBSH adalah digunakan untuk:

- i. Kemas Kini Permohonan; atau
- ii. Semakan Status Permohonan; atau
- iii. Cetakkan permohonan; atau
- iv. Cetakkan salinan surat makluman lulus (bagi permohonan tiada maklumat akaun bank); atau
- v. Peti Mel; atau
- vi. Maklum Balas

2. S: Bagaimana cara untuk log masuk MyBSH?

J: Untuk log masuk MyBSH, perlu pastikan anda telah mendaftar Nombor Telefon Bimbit semasa permohonan BSH 2019 / Permohonan BSH 2018 (bagi penerima bayaran Fasa Pertama).

Semakan boleh dibuat di Menu MyBSH seperti berikut:

- i. Klik Menu MyBSH
- ii. Masukkan Nombor MyKad
- iii. Klik Butang Mohon TAC
- iv. Nombor TAC akan dihantar ke Nombor Telefon Bimbit
- v. Masukkan nombor TAC di ruangan yang disediakan dan klik butang Hantar
- vi. Paparan Skrin MyBSH

3. S: Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya ingin menukarkan / mendaftar Nombor Telefon Bimbit?

J: Anda boleh mengemas kini / mendaftar Nombor Telefon Bimbit di Cawangan LHDNM mulai 1 Februari 2019 seperti berikut:

- i. Belum menghantar Borang BSH 2019 – perlu mengisi dan mengemukakan Borang Permohonan BSH 2019 (BK-01)
- ii. Telah menghantar Borang BSH 2019 – perlu mengisi dan mengemukakan Borang Kemas Kini Nombor Telefon Bimbit (BK-21)

4. **S: Saya membuat semakan MyBSH tetapi mesej yang dipaparkan adalah “Tiada Rekod”, apakah tindakan yang perlu saya lakukan?**

J: Mesej berkenaan dipaparkan kerana permohonan anda:

- i. Belum membuat Permohonan Baharu BSH 2019; atau
- ii. Permohonan Baharu BSH 2019 yang dikemukakan kepada Cawangan LHDNM tetapi belum diambil tindakan oleh LHDNM

5. **S: Nombor TAC yang telah saya mohon tidak diterima walaupun Nombor Telefon Bimbit adalah sama seperti yang didaftarkan pada permohonan BSH 2019?**

J: Nombor TAC tidak diterima kerana berkemungkinan Nombor Telefon Bimbit anda telah menyekat penerimaan SMS daripada Nombor 62000. Oleh itu tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Anda perlu menghubungi *Call Centre* telco Nombor Telefon Bimbit anda bagi membuat semakan dan membuka semula sekatan bagi membolehkan penerimaan SMS daripada Nombor 62000; dan
- ii. Anda boleh mencuba semula untuk mohon TAC selepas 48 jam (bergantung kepada pindaan dari semasa ke semasa) dari pengaktifan semula nombor SMS berkenaan

6. **S: Adakah saya perlu mohon Nombor TAC setiap kali log masuk MyBSH?**

J: Tempoh sah Nombor TAC adalah selama 7 Hari (bergantung kepada pindaan dari semasa ke semasa) daripada tempoh permohonan Nombor TAC berkenaan. Anda boleh menggunakan Nombor TAC yang sama untuk semakan sekiranya masih sah dan paparan seperti di bawah wujud sekiranya Nombor TAC berkenaan masih sah digunakan:



TAC masih lagi sah!
Sila gunakan TAC yang telah dihantar pada 01/07/2019 08:47:17 AM ke 60176XXXXXX. TAC tersebut sah sehingga 08/07/2019 08:47:17 AM. Sekiranya Nombor Telefon Bimbit telah bertukar, tuan perlu hadir ke Cawangan LHDNM bagi tindakan kemas kini Nombor Telefon Bimbit

7. **S: Apabila saya log masuk MyBSH dan masukkan Nombor TAC, paparan mesej “TAC Tidak Sah. TAC yang anda masukkan tidak sah. Sila cuba semula”. Apa yang perlu saya lakukan?**

J: Anda perlu masukkan Nombor TAC yang betul dan masih sah tempoh.

8. **S: Apabila saya log masuk MyBSH dan masukkan Nombor MyKad, paparan mesej “ Sila hadir ke Cawangan LHDNM untuk kemas kini No. Telefon”. Apa yang perlu saya lakukan?**
- J: Mesej berkenaan dipaparkan kerana Permohonan BSH tidak didaftarkan Nombor Telefon Bimbit. Oleh itu, anda perlu hadir ke Cawangan LHDNM bagi mendaftar Nombor Telefon Bimbit. Rujuk Jawapan bagi soalan 5.
9. **S: Apakah yang dimaksudkan dengan status PERMOHONAN BELUM KEMAS KINI?**
- J: Permohonan yang layak menerima bayaran Fasa Pertama BSH 2019 tetapi belum membuat kemas kini permohonan BSH 2019.
10. **S: Apakah yang dimaksudkan dengan status PERMOHONAN DITERIMA?**
- J: PERMOHONAN DITERIMA ialah permohonan BSH 2019 yang telah dihantar tetapi belum melalui proses penentuan kelayakan.
11. **S: Apakah yang dimaksudkan dengan status PERMOHONAN DALAM PROSES?**
- J: PERMOHONAN DALAM PROSES ialah permohonan anda dalam tindakan proses penentuan kelayakan.